

dan kesan yang tidak baik kepada ekonomi Negara. Bukan sahaja belia/ beliawanis dari Golongan B40 ini yang tidak dapat melanjutkan pengajian, malah Industri Latihan Kemahiran Negara turut terkesan kerana tidak mampu menampung kos operasi disebabkan kekurangan pelatih bagi mengisi kekosongan kemudahan latihan yang telah disediakan sepanjang 16 Tahun di dalam industri ini.

06. YAB. Tun, bersama-sama dengan surat ini pihak FeMAC melampirkan **Memorandum Penambahan Dana Sebanyak RM500 juta Bagi Tahun 2018** untuk disalurkan kepada pihak PTPK – Kementerian Tenaga Manusia beserta **Memorandum Semakan Dasar Dan Urus Tadbir PTPK** untuk dinilai secara teliti oleh pihak YAB. Tun.

'Kami dengan rasa rendah diri merayu agar diberi ruang serta peluang untuk bertemu dengan YAB. Tun bagi membincangkan isu ini dengan lebih jelas agar 20,000 pekerja swasta, 17,000 pelatih yang sedang mengikuti latihan serta 50,000 belia/ beliawanis tercicir dapat terus bersama-sama dengan kami menyumbang kepada kejayaan merealisasikan Negara Maju Menjelang 2020'.

Besar harapan kami agar pertemuan bersama YAB. Tun dapat merungkai serta menyelesaikan isu berbangkit berkaitan Pembangunan Modal Insan Negara bersama Barisan Exco FeMAC mengikut kelapangan masa dan lokasi YAB. Tun.

06. Kami amat berharap perkara ini mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak YAB. Tun. Sekiranya pihak YAB. Tun mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, boleh berhubung dengan **En Mohamad Farid Ismail, Setiausaha Agung FeMAC** di talian **019-381 8855** atau melalui email operation@femac.org.my.

Sokongan dan perhatian daripada YAB. Tun amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.